KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	2/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

Tiada harimau kumbang di Seremban

Perhilitan hanya menjumpai kesan tapak kaki babi hutan di belukar dekat Taman Seremban 3

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN



WAN MAT

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan menafikan terdapat harimau kumbang di Taman Seremban 3 di sini.

Pengarahnya, Wan Mat Wan Harun berkata, pihak Perhilitan telah menjalankan siasatan di lokasi tersebut dan hanya menjumpai banyak kesan tapak kaki babi hutan di kawasan belukar berhampiran taman itu.

Bagaimanapun katanya, untuk langkah keselamatan, pihaknya telah memasang satu unit perangkap kamera di kawasan belukar itu bagi mengesan spesies hidupan haiwan liar lain yang berkemungkinan berkeliaran di kawasan tersebut.

"Setakat ini kami menafikan kehadiran harimau kumbang.

"Lagipun di situ berhampiran dengan kawasan perumahan dan tidak logik ia berkeliaran di kawasan tersebut kecuali ada mangsa seperti kambing dan sebagainya.

"Kami tidak boleh mengesahkan tanggapan penduduk bahawa itu adalah harimau, namun sekiranya mereka ada terserempak dengan haiwan itu boleh segera hubungi Jabatan Perhilitan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Jumaat.

Tambahnya, khidmat nasihat telah diberikan kepada penduduk setempat dan mereka dinasihatkan supaya segera menghubungi Jabatan Perhilitan terserempak dengan harimau kumbang atau hidupan liar lain.

Pada Khamis, beberapa penduduk di Taman Seremban 3 mendakwa terdengar bunyi ngauman seakan harimau sekitar jam 8.30 pagi dan 10 malam.

Disebabkan itu, penduduk kemudiannya menghubungi Jabatan Perhilitan untuk mendapatkan bantuan susulan.



Anggota Perhilitan memasang kamera untuk mengesan spesies haiwan liar di kawasan belukar berdekatan Taman Seremban 3 pada Khamis.